

P. raya: Kita perlu sedia
dari sekarang — Mahathir

Pemecatan dua Abdullah ditentukan Sabtu ^(p) ini

20 MAY 1977

KUALA LUMPUR, Khamis.
— Soal pemecatan Datuk
Abdullah Ahmad dan Encik
Abdullah Majid dari UMNO
adalah bergantung kepada
penjelasan dan per-
bincangan yang dibuat di
dalam mesyuarat Majlis
Tertinggi UMNO (MT) Sab-
tu ini, demikian dinyatakan
oleh Dr. Mahathir Moha-
mad hari ini.

Timbalan Perdana Menteri
yang juga seorang Naib Presiden
UMNO itu berkata, perkara ke-
dua tokoh yang sedang ditahan di
bawah Undang-Undang Kesela-
matan Dalam Negeri itu adalah
merupakan soal yang melibatkan
parti.

"MT perlu membincangkan
perkara-perkara yang melibatkan
parti," katanya ketika ditanya oleh
para pemberita selepas mpenge-
rusikan mesyuarat Jawatankuasa
Kecil Penerangan UMNO di Ibupeja-
bat UMNO di sini petang ini.

Soal pemecatan dua tokoh itu dija-
dikan satu perkara berasingan dalam
agenda mesyuarat MT itu.

Dr. Mahathir berkata, beliau tidak
dapat memberi kata muktamad men-
genai tindakan ke atas kedua tokoh
itu, "tindakan ini bergantunglah ke-
pada penjelasan dan perbincangan di
dalam mesyuarat MT nanti,"
ujarnya.

Selaku Pengerusi Jawatankuasa
Kecil Penerangan itu, Dr. Mahathir
juga memberitahu, satu kursus khas
sehari akan diadakan 30 Mei ini di
Ibupejabat UMNO bagi seluruh pega-
wai penerangan negeri dan pusat
mengenai pendaftaran pengundi dan
perkara-perkara yang berkaitan den-
gannya supaya dapat menambahkan
lagi bilangan pengundi.

Katanya lagi, mereka akan diberi
tahu aspek-aspek penerangan menge-
nai perkara-perkara yang sedang
menjadi perhatian rakyat supaya me-
reka dapat menjelaskan kepada rak-
yat dengan lebih baik dan berkesan.

Beliau memberitahu lagi, seramai
enam orang lagi Pegawai Pene-
rangan akan diambil dan akan ditem-
patkan di negeri-negeri yang belum
ada.

Menurutnya, mesyuarat hari ini
mengkaji semula keseluruhannya per-
jalanan jentera penerangan UMNO.

"Adalah dirasai jentera pene-
rangan perlu disusun semula untuk
melicinkan pendaftaran pengundi
yang akan diadakan tidak lama lagi,"
ujarnya.

Dr. Mahathir berkata, "Pilihanra-
ya akan diadakan selewat-lewatnya
tahun 1979, jadi kita perlu sentiasa
bersiap sedia."

Beliau juga mengumumkan,
UMNO akan menerbitkan akhbarnya
sendiri dalam bentuk bulanan atau
dua minggu sekali menjelang bulan
Ogos ini. Namanya belum ditetapkan.

Katanya lagi, Ibupejabat UMNO
sekarang sedang menyediakan buku
sejarah perjuangan 31 tahun UMNO.